

No. Rujukan : UTeM.02.03/10.24/1/4/2 (5)



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SURAT EDARAN PENTADBIRAN

BILANGAN 1 TAHUN 2010

**PELAKSANAAN PENGUBAHSUAIAN KAEDAH
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN BAGI SEMUA
SKIM PERKHIDMATAN DI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(UTeM)**

Pejabat Pendaftar
24 Mac 2010

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.03/10.24/1/4/2(5)

24 MAC 2010

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 1/2010

PELAKSANAAN PENGUBAHSUAIAN KAEDAH PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN BAGI SEMUA SKIM PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Surat edaran ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai keputusan pihak Universiti atas perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2010 yang bersidang pada 23 Februari 2010 telah bersetuju menerima pakai surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) nombor rujukan JPA(S)(K)241/82/1 Klt.2(3) bertarikh 5 Disember 2008 secara keseluruhan sebagai salah satu garis panduan dalam memantapkan sistem penilaian kompetensi di UTeM.

2.0 Kerajaan telah memutuskan supaya Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang menjadi mekanisme pengukuran kompetensi akan tetap berperanan dalam menentukan standard dan tahap penguasaan kompetensi penjawat awam dalam melahirkan modal insan yang cemerlang dan mampu menangani cabaran semasa.

3.0 Selaras dengan surat pekeliling tersebut, pihak Universiti telah bersetuju untuk memilih kaedah Penilaian Kompetensi Berterusan dengan mengguna pakai program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) bagi mengganti kaedah penilaian sedia ada. Melalui CPD ini semua staf bertanggungjawab merancang aktiviti untuk meningkatkan kompetensi diri berpusatkan kepada keperluan tugas staf dan hala tuju organisasi. Program-program pembangunan diri yang disertai akan diambil kira dalam menilai kompetensi staf. **Antara program-program tersebut ialah Kursus Jangka Pendek, Kursus Jangka Panjang, Pengembangan Ilmu & Kemahiran, Aktiviti Badan Ikhtisas, Pengiktirafan Kemahiran dan Penerbitan & Penulisan.**

4.0 Justeru itu, semua program yang disertai mulai **1 Januari 2010** akan diambil kira dan direkodkan dalam sistem **e-CPD**. Sesi taklimat kepada semua staf berkenaan CPD ini akan dimaklumkan kelak.

5.0 Surat edaran pentadbiran ini hendaklah dibaca bersama dengan surat pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) nombor rujukan JPA(S)(K)241/82/1 Klt.2(3) bertarikh 5 Disember 2008. Salinan surat pekeliling perkhidmatan tersebut boleh dirujuk di laman web Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di alamat <http://www.jpa.gov.my>.

Sekian, harap maklum.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



HASAN BIN SIRUN
Pendaftar